

Fun Run UPM kini dibuka untuk pendaftaran

PENYERTAAN untuk Fun Run Universiti Putra Malaysia (UPM) 2016 kini mula dibuka kepada para peserta yang berminal di seluruh negara.

Larian sejauh lima kilometer (km) itu dianjurkan sempena Ekspo Pertanian dan Pesta Konvokesyen Universiti Putra Malaysia (UPM) Ke-40 yang dijadualkan berlangsung pada 23 Oktober ini di Bukit Ekspo UPM, Serdang.

Penyertaan adalah terbuka kepada warga negara Malaysia sahaja dan minuman isotonik, 100PLUS akan tampil sebagai penaja utama.

Menurut Pengurus Acara dan Tajaan F&N Marketing, Muhammad Fauzi Ahmad, tajaan tersebut merupakan komitmen syarikat tersebut dalam menggalakkan masyarakat tempatan untuk bergiat aktif dalam bidang sukan, sekali gus menjadi budaya hidup mereka.

“Para peminat acara larian sejauh lima km tidak harus melepaskan peluang ini dan mereka harus tampil membuktikan bakat

masing-masing. Ini adalah antara medan untuk mencungkil bakat baharu khususnya kanak-kanak pada peringkat sekolah rendah dan menengah,” jelas Fauzi.

Pihak pengajur telah meletakkan sasaran untuk mendapatkan 500 penyertaan dan semua peserta yang mendaftar akan menerima baju-T percuma.

Turut disediakan kepada para pemenang ialah pingat dan sijil penyertaan selain aktiviti cabutan bertuah kepada para pengunjung.

Larian itu juga menawarkan hadiah wang tunai iaitu RM300 untuk juara, kedua (RM200) dan ketiga akan menerima RM100.

Bayaran pendaftaran boleh dibuat melalui NS Events menerusi akaun Maybank 555171508404 dan resit bayaran hendaklah dibawa bersama ketika mengambil kit larian itu nanti.

Orang ramai yang berminat menyertai larian boleh menghubungi talian 012-2846811, 013-3664765, 019-6140275 atau layari laman web www.facebook.com/MyRace.



FAUZI (kiri) mengingatkan para peminat acara larian agar tidak melepaskan peluang beraksi pada Fun Run UPM hujung bulan ini.